



# ANALISA TERHADAP BUKU MODUL HADIS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI PASARAN

(Analysis of Early Childhood Hadith Education Module Books in the Market)

Muhammad Ikram bin Abu Hassan<sup>1</sup>, Shaidatul Haneen bt Abdul Rahman<sup>2</sup>, Siti Hajar binti Mohamed<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Department of Curriculum and Instruction, Kulliyah of Education, IIUM, Gombak, Selangor, <sup>2</sup>M&H Early Childhood Education Training and Consultancy, <sup>3</sup>Al-Hikmah Research and Publication Centre

## Abstract

Islam is a comprehensive religion that emphasizes the importance of education for every individual. Islam views education as the most effective way to shape a prosperous society, as stated in the Quran. One important aspect is early childhood education. Efforts to elevate early childhood education can be seen through the initiatives taken by government agencies, such as the establishment of nurseries, kindergartens, daycare centers, and private agencies offering similar services. Additionally, private entities have also published modules for early childhood education that are used in preschool and kindergarten curricula. This article aims to examine the implementation of Islamic education among children in Malaysia through the module book of the hadiths of Prophet Muhammad. The methodology used is descriptive, utilizing qualitative methods to analyze documents. The researcher reviewed several module books that were successfully obtained and published in the market, subsequently analyzing and evaluating their content based on aspects of hadith narration, the number of hadiths, themes of the hadiths, appropriate writing techniques and styles for children's age groups, and the teachings derived from the hadiths. The study found that efforts have been made by private agencies and individuals to collect and compile the hadiths of Prophet Muhammad (PBUH) for the purpose of early childhood education. The study also found that the printed modules of hadiths available in the market still have room for improvement based on the analysis and comments made by the researcher in the study findings. The author also suggests that these books be reviewed by advisory panels for further improvement and be transformed into learning modules for early childhood education

**Kata Kunci:** Children's Hadith Book, Prophetic Hadiths, Early Childhood Education

## Article Progress

Received: 29 August 2023  
Revised: 4 September 2023  
Accepted: 10 October 2023

\*Corresponding Author:  
Muhammad Ikram bin Abu Hassan.  
Kulliyah of Education, IIUM.  
Email:  
ikramhassan@iium.edu.my

## PENDAHULUAN

Nabi Muhammad SAW seorang pendidik yang agung bagi umat Islam yang perlu dicontohi dalam proses pendidikan sesebuah generasi. Selain al-Quran, Hadis Nabi Muhammad SAW merupakan sumber utama umat Islam bagi membentuk personaliti seorang muslim yang terbaik (Mohd Shukri 2020). Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilakukan oleh umat Islam sejak dari zaman para Sahabat RA. begitu juga pada zaman tabien dan tabie' tabien (Mohd Aizul, Roshimah bt Shamsudin 2020). mereka telah menjaga hadis dan ilmu hadis sehinggalah ke hari ini untuk menghimpunkan kedua-dua sumber utama ini, menjaganya dengan rapi seterusnya menyampaikan kepada generasi seterusnya sehinggalah sampai ke umat Islam hari ini.

Keperluan umat Islam kembali kepada panduan Nabi Muhammad Islam dalam mencorak kehidupan mereka merupakan suatu yang amat penting dan wajib dititikberatkan oleh semua peringkat lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian ini mengkhususkan pendidikan awal kanak-kanak sebagai satu batu asas bagi pembinaan generasi yang beriman dan bertakwa.

Saban hari kita memerhatikan pelbagai kes-kes dalam kalangan remaja meningkat. Dengan itu perlunya menyemak masa ke masa silibus, cara penyampaian, dan semua yang berkaitan pendidikan kanak-kanak

agar masalah yang timbul dalam kalangan remaja dapat dibendung sejak dari awal lagi. Pepatah Melayu menyebut “melentur buluh biarlah daripada rebungunya” yang bermaksud mendidik anak biarlah semasa mereka kecil lagi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang dijalankan adalah kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Pengkaji melakukan tinjauan terhadap beberapa buah buku modul yang berjaya diperolehi oleh penulis dan diterbitkan di pasaran, seterusnya menganalisa dan menilai konten melalui aspek periwayatan hadis, bilangan hadis, tema hadis, teknik dan gaya penulisan bersesuaian dengan umur kanak-kanak, dan pengajaran daripada hadis.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi, data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagai berikut (Patton, 1990):

- (1) Hasil pemerhatian: uraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.
- (2) Hasil pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam.
- (3) Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Pendidikan Dalam Islam**

Dalam Islam, pendidikan merupakan suatu asas yang sangat penting dalam kehidupan seorang muslim dan telah diberikan penekanan sejak dalam kandungan lagi. Menurut al-Attas (1992) pengertian Pendidikan dalam Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan. Manakala tujuan kepada pendidikan dalam Islam pula adalah untuk membangunkan dan membentuk manusia yang mempraktikkan pendidikan berdasarkan nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW (Thoah, C.1996).

Menurut Muhammad Ikram (2022), perubahan kepada seorang muslim yang seimbang hanya dapat dilakukan melalui pendidikan. Mustard (2009), pula mengatakan bahawa perkembangan kanak-kanak merupakan bahagian perkembangan yang paling penting di dalam kehidupan seseorang individu dan corak pemikiran kanak-kanak mula terbentuk pada usia setahun melalui interaksi antara genetik dan pengaruh persekitaran yang dilalui oleh mereka. Justeru, Pendidikan awal kanak-kanak adalah menjadi satu keperluan untuk diberikan penekanan bagi melahirkan muslim yang bukan sahaja mampu memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, tetapi juga mampu untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Penekanan pendidikan awal kanak-kanak dalam Islam adalah bermula dari dalam kandungan ibu sehingga kanak-kanak berumur enam tahun (Nordin, N., & Hajazi, M. Z.). Dan ia dikategorikan kepada dua tahap iaitu tahap sebelum lahir dan tahap sesudah lahir. Manakala bagi tahap sesudah lahir pula, telah dibahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap awal kelahiran hingga usia mencapai tiga tahun dan seterusnya dari umur tiga tahun hingga mencapai usia enam tahun (Mustard, J. 2009). Dan menurut Pertubuhan Kebangsaan bagi Pendidikan Kanak-Kanak Muda (The National Association for The Education of Young Children; NAEYC, 2011), pendidikan awal kanak-kanak (early childhood education) merujuk kepada segala program pendidikan yang memberi layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak sejak lahir hingga ke umur lapan tahun.

## Masalah Yang Dihadapi Oleh Kanak-Kanak Islam

Dewasa ini, kita dikejutkan dengan pelbagai masalah keruntuhan sosial dan akhlak dalam pelbagai lapisan masyarakat termasuklah dalam kalangan kanak-kanak. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca kepada masalah ini antaranya kegagalan proses pembesaran dan pendidikan disamping faktor pengaruh budaya luar dan kesan hiburan dalam kehidupan. Hal ini adalah kerana, sifat dan karakter seseorang individu sangat bergantung kepada proses pembesaran dan pendidikan yang telah dilalui pada peringkat kanak-kanak Sulaiman, A., Noh, N. C., & Jamsari, E. A. (2020).

Selain itu, faktor sikap ibubapa yang kurang peka terhadap permasalahan dalam pendidikan anak-anak menyebabkan mereka mendidik anak-anak dengan kasar dan telah menimbulkan perasaan takut dalam diri anak-anak. Tindakan ini bukan sahaja merenggangkan hubungan antara anak dan ibu bapa malah ia menyebabkan proses perkembangan anak-anak itu tidak berlangsung dalam keadaan yang baik (Abdullah, 2009).

Situasi ibubapa bekerjaya yang meletakkan tanggungjawab menjaga, mengasuh dan memberi pendidikan kepada orang lain atau pengasuh serta guru di taska mahupun tadika menyebabkan ada segelintir anak-anak gagal untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya terutamanya dalam menjadikan ibu bapa mereka sebagai contoh dalam proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian diri mereka.

Dan menurut Noor Azizi Ismail dan Syamsul Bahri Andi Galigo (2010), masalah keruntuhan akhlak ini mampu diselesaikan sekiranya anak-anak diberikan pendidikan agama yang sesuai. Khadijah (2017), menyatakan bahawa pemberian stimulasi pendidikan adalah hal yang sangat penting, bentuk stimulasi yang diberikan haruslah dengan cara yang tepat sesuai dengan tingkat perkembangannya.

Pengkaji yakin bahawa sekiranya pendidikan awal kanak-kanak dititikberatkan dengan baik, nescaya masalah remaja yang semakin meruncing pada hari dapat dikurangkan (Muhamad Zaki dll. 2023).

## Penulisan Pendidikan Islam Awal Kanak-Kanak

Antara buku yang terkenal dalam pendidikan awal kanak-kanak berasaskan pendidikan Islam ialah buku yang berjudul *Tarbiyatul Awlad* karangan Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Buku ini mengandungi panduan lengkap bagi ibu bapa untuk mendidik kanak-kanak di awal usia.

Penilaian dibahagikan kepada beberapa aspek utama yang dianggap penting bagi kriteria sesebuah buku hadis pendidikan awal kanak-kanak, aspek periwayatan hadis, bilangan hadis, tema hadis, teknik dan gaya penulisan bersesuaian dengan umur kanak-kanak, dan pengajaran daripada hadis.

### Buku 1: 70 Hadis Mudah Hafal Mudah Amal.

Rajah 1. Muka Depan dan Muka Belakang.



Rajah 2. Contoh Muka Surat Dalam Buku.



Rajah 3. Ulasan buku 70 Hadis Mudah Hafal Mudah Amal

| Periwayatan Hadis                                  | Bilangan Hadis | Tema Hadis            | Teknik dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis  | Pengajaran Daripada Hadis      |
|--|----------------|-----------------------|--|---|--------------------------------|
| -Tidak dinyatakan siapa perawi tertinggi (sahabat) | 70 hadis       | dibahagikan ikut tema | - Sebutan Arab dibahagikan kepada 'suku kata' supaya kanak-kanak mudah menyebutnya | 3 segmen iaitu :-<br>Segmen 1: Eja, Sebut, Hafal dan Amal (Hadis dipisah pisahkan agar kanak-kanak mudah sebut sekaligus hafal)<br><br>Segmen 2: Tahukah Adik-Adik?<br>(Penerangan hadis-Guna bahasa yang difahami untuk peringkat kanak-kanak)<br><br>Segmen 3: Jadual Semakan Hafalan:<br><br>1. Baca ikut sukukata, lajhah, tepat dan jelas<br><br>2. Ulang & ingat<br><br>3. Faham dan ingat maksud hadis<br><br>4. Tasmī' hadis & maksud depan orang dewasa) | Tidak dinyatakan secara jelas. |

**Buku 2: Siri Anak Genius Soleh & Solehah (Hadis).**

Rajah 4. Muka Depan dan Muka Belakang.



Rajah 5. Contoh Muka Surat Dalam Buku




Rajah 6. Ulasan Buku Siri Anak Genius Soleh & Solehah (Hadis)

| Periwayatan Hadis                                   | Bilangan Hadis | Tema Hadis                   | Teknik dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis   |
|---|----------------|------------------------------|--|--|
| -Tidak dinyatakan siapa perawi tertinggi (sahabat). | -50 hadis.     | -Dibahagikan kepada 10 tema. | -Sebutan Arab dibahagikan kepada 'suku kata' supaya kanak-kanak mudah menyebutnya. | Penerangan maksud hadis.<br>Aktiviti tambahan selain jadual hafazan: |

|                                    |  |  |  |  |
|------------------------------------|--|--|--|--|
| <p>-Perawi akhir: Dinayatakan.</p> |  |  | <p>-Tulisan Bahasa Arab Besar tetapi terjemahannya kecil.<br/><br/>-Tidak dinyatakan usia. Lebih sesuai untuk kanak-kanak 5 tahun ke atas.</p> | <p>-Latihan menulis huruf jawi (hadis)<br/><br/>-Pelbagai aktiviti uji minda seperti Teka Silang Kata, Pagar Sesat, Cari Kata, Cuba Lukis.</p> |
|------------------------------------|--|--|--|--|

**Buku 3: Hadith untuk Kanak-Kanak.**

Rajah 7. Muka depan dan isi kandungan




Rajah 8. Ulasan Buku Hadith Untuk Kanak-Kanak

| Periwayatan Hadis | Bilangan Hadis | Tema Hadis   | Teknik Dan Gaya Penulisan   | Segmen Hadis   |
|-------------------|----------------|--|---|--|
| Tidak pasti       | 33 hadis       | Amalan harian seperti makan, belajar, menghormati ibubapa dan keperibadian seperti maruah diri dan sifat malu. | Dwi Bahasa –BM & BI di mana Setiap hadith disertai dengan terjemahan dan keterangan di dalam bahasa Inggeris serta bahasa Melayu. | Saiz buku: 14.5x21cm (Terlalu kecil untuk kanak-kanak berusia 6 tahun ke bawah.<br>-Ia seterusnya akan bagi kesan pada tulisan.<br>Tulisan akan jadi kecil.<br>Usia tidak dinyatakan secara spesifik. Hanya nyatakan sesuai untuk kanak-kanak. |

**Buku 4: Buku 4: Koleksi 100 Hadis-Hadis Nabi.**

Rajah 9. Muka Depan Buku Koleksi 100 Hadis-Hadis Nabi



Rajah 10. Contoh Isi Kandungan Dalam Buku




Rajah 11. Ulasan Buku Koleksi 100 Hadis-Hadis Nabi

| Periwayatan Hadis  | Bilangan Hadis | Tema Hadis | Teknik Dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis |
|--|----------------|------------|--|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>-Tiada nama perawi hadis.</li> <li>-Nyatakan nama perekod.</li> </ul> | -100           | -          | <ul style="list-style-type: none"> <li>-Tiada teks Arab.</li> <li>-Semua peringkat umur terutama kanak-kanak</li> <li>-Hadis-hadis yang senang, ringkas dan mudah untuk diamalkan.</li> <li>-cerita menggunakan bahasa komik.</li> </ul> |              |

**Buku 5: Hadis Pilihan Omar & Hana.**

Rajah 12. Muka Depan dan Isi Kandungan Buku Hadis Pilihan Omar & Hana





Rajah 13. Contoh Isi Kandungan Dalam Buku Hadis Pilihan Omar & Hana




Rajah 14. Ulasan buku Hadis Pilihan Omar & Hana


| Periwayatan Hadis                                  | Bilangan Hadis | Tema Hadis | Teknik dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis |
|--|----------------|------------|--|--------------|
| -Tidak dinyatakan siapa perawi tertinggi (sahabat) |                |            | mudah difahami dan ringkas.  |              |
| -Perawi akhir: Dinyatakan.                         |                | 14 tajuk   | - Tiada teks Arab disertakan.<br>- Konteks hadis ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dan diamalkan oleh kanak-kanak bawah 6 tahun |              |

**Buku 6: 50 Nasihat Rasulullah S.A.W untuk Kanak-Kanak.**

Rajah 15. Muka Depan dan Isi Kandungan Buku 50 Nasihat Rasulullah S.A.W Untuk Kanak-Kanak



Rajah 16. Isi Kandungan Buku 50 Nasihat Rasulullah S.A.W Untuk Kanak-Kanak




Rajah 17. Ulasan Buku 50 Nasihat Rasulullah S.A.W untuk Kanak-Kanak

| Periwayatan Hadis | Bilangan Hadis | Tema Hadis  | Teknik dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis |
|-------------------|----------------|---|--|--------------|
|                   | - 50 hadis     | - hadis Rasulullah S.A.W yang berkaitan dengan pembentukan akhlak Anak-anak | Gaya penulisan bukan untuk kanak-kanak bawah 6 tahun.<br>- Terdapat hadis yang umum (utk dewasa dan kanak-kanak) tetapi perbhasan ditujukan kepada kanak-kanak<br>- Terdapat Panduan buat pasangan suami isteri yang telah dikurniakan zuriat, juga buat mereka yang bakal menimang cahaya mata untuk membimbing anak-anak agar menjadi anak yang soleh. |              |

**Buku 7: Kisah Pilihan Hadith Arba'in untuk Anak.**

Rajah 18. Muka Depan dan Isi Kandungan Buku Kisah Pilihan Hadith Arba'in Untuk Anak



Rajah 19. Contoh Isi Kandungan Buku Kisah Pilihan Hadith Arba'in Untuk Anak



| Periwayatan Hadis                                 | Bilangan Hadis | Tema Hadis | Teknik dan Gaya Penulisan   | Segmen Hadis   |
|---|----------------|------------|---|--|
| Tidak dinyatakan siapa perawi tertinggi (sahabat) | 42 Hadis       |            | <p>-Hadis dimulakan dengan teks Arab dan terjemahan</p> <p>Pengajaran hadis disertakan.</p> <p>Bahasa umum,</p> <p>-kurang sesuai untuk kanak-kanak bawah 6 tahun.</p> <p>-Lebih sesuai untuk murid sekolah rendah terutamanya tahap 2.</p> | <p>Setiap hadis ada 4 bahagian iaitu :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teks hadis &amp; maksud</li> <li>2. Penjelasan hadis</li> <li>3. Kisah hadis</li> <li>4. 'Pojok Hikmah' (Pengajaran)</li> </ol> <p>Kisah / konteks hadis dinyatakan dalam bentuk cerita dan sahabat yang meriwayatkannya dinyatakan dalam cerita tersebut.</p> |

**Buku 8: 10 Cerita Hadis Pilihan.**

Rajah 21. Muka Depan dan Isi Kandungan Buku 10 Cerita Hadis Pilihan



Rajah 22. Muka Depan dan Isi Kandungan Buku 10 Cerita Hadis Pilihan



Rajah 23. Ulasan Buku 10 Cerita Hadis Pilihan

| Periwayatan Hadis   | Bilangan Hadis | Tema Hadis | Teknik Dan Gaya Penulisan  | Segmen Hadis   |
|---|----------------|------------|--|--|
| 1. Tiada teks Arab.<br><br>2. Tidak dinyatakan rujukan hadis.<br><br>3. Tidak dapat dipastikan kesahihan hadis. | 10 cerita      |            | 1. Ayat yang digunakan sesuai dengan laras bahasa kanak-kanak 5-6 tahun.<br><br>2. Membantu kanak-kanak 4-6 membaca kerana perkataan dibahagikan kepada suku kata.<br><br>3. Adakah cara hadis yang diterjemahkan dalam bentuk cerita tersebut bertepatan dengan maksud dan konteks hadis? Tidak dapat dipastikan kerana tidak terdapat teks arab. | Mengolah hadis menjadi 10 cerita bagi panduan kanak-kanak. |

### ANALISIS KAJIAN

1. Setelah melakukan Kajian terhadap buku-buku hadis yang ditulis bagi tujuan pendidikan awal kanak-kanak pengkaji telah menghadkan sebanyak Lapan buah buku. Ini kerana buku-buku ini mudah didapati di pasaran.
2. Pengkaji tidak menjumpai penyemak yang dilantik bagi menyemak kesahihan Hadis dan lain-lain yang berkaitan bagi buku-buku Hadis yang ditulis secara jelas. Ini menyebabkan banyak kekurangan dari sudut disiplin Hadis yang tidak diambil kira di dalam buku-buku di atas.
3. Sebahagian buku modul Hadis ini, gaya bahasanya agak kurang dengan kanak-kanak.

4. Terdapat buku yang tiada matan Hadis dalam Bahasa Arab. Hanya terdapat terjemahan dalam Bahasa Melayu.
5. Terdapat buku yang sesuai untuk kanak-kanak dari sudut gaya Bahasa dan pengajaran, namun dari sudut disiplin ilmu Hadis tidak lengkap seperti tidak dinyatakan perawi a'la iaitu sahabat Nabi Muhammad SAW.

## **PENUTUP**

Setelah menganalisa lapan buah buku di pasaran, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa, modul hadis untuk tujuan pendidikan awal kanak-kanak masih lagi sangat berkurangan dan tidak mencapai tujuan pendidikan kanak-kanak. Buku yang wujud pula kebanyakannya tidak disemak oleh pakar dan adakalanya tidak sesuai dengan umur kanak-kanak. Dengan itu, pengkaji mencadangkan bahawa suatu modul Hadis lengkap dibangunkan untuk tujuan pendidikan awal kanak-kanak dan diharapkan mendapat panduan pihak berwajib seperti JAKIM dan Majlis agama Negeri.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang mengucapkan terima kasih sidang penulis yang telah menyumbangkan idea dalam penghasilan artikel ini. Penulis juga berterima kasih kepada pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM yang telah menganjurkan seminar SWAN bagi membolehkan artikel ini dibentangkan dan juga diterbitkan.

## RUJUKAN

Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. 16: 59-81.

Abu Luqman Al-Hakim. Hadith untuk Kanak-Kanak. Penulis dan penerbit Darul Nu'man. Hadis Pilihan Omar & Hana. Oleh sidang penulis. Terbitan Prima Kids.

Ismail, N. A., & Galigo, S. B. A. (2010). Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam Vol. 6. Universiti Sains Islam Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi, Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif, Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Hafyza Uthman. Koleksi 100 Hadis-Hadis Nabi. disemak oleh: Ustazah Nor Suhaira bt Materidi. Diterbitkan oleh: Cerdik Muslim.

Kassim, N. F., & Jalal, F. H. A. (2015). Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan Modul pendidikan akhlak: Isu dan cabaran masa kini. In Seminar Penyelidikan Kebangsaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Khadijah. (2017). Perkembangan Kognitif Anak Usia Dini. Medan: Perdana Publishing.

Mohd Shukri Bin Mohd Senin. Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di dalam Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol 6(2), 2020.

Mohd Aizul bin Yaakob, Roshimah bt Shamsudin: Ketokohan al-Daraqutni dalam Disiplin Ilmu Hadith. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol 6(2), 2020.

Muhamad Yasir. Kisah Pilihan Hadith Arba'in untuk Anak. LC. Diterbitkan oleh Pustaka Al-Kautsar. Muhammad Ali Qutb. Penterjemah: Muhammad Akhyar & Ust Syahrin Bin Jasah. 50 Nasihat Rasulullah S.A.W untuk Kanak-Kanak. Penulis: Peterbilt: AL SHAFa.

Mustard, J. (2009). Early Human Development-Equity from the Start. *Latin America Rev.*, 639-680. Muhammad Ikram bin Abu Hassan (2022), Pendidikan awal bantu anak faham ilmu asas berkait solat, *Berita Harian*, Rabu, 29 Jun, 2022.

Muhamad Zaki Zainuddin, Suariza @ Hidayah Muhammad: Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar Sekolah Menengah di Seremban Negeri Sembilan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol 9(1), 2023.

Nordin, N., & Hajazi, M. Z. Pendidikan Anak Usia Dini Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Perbandingan Malaysia Dan Indonesia

Siri Anak Genius Soleh & Solehah (Hadis). Oleh penulis, terbitan Rimbunan Publishing House Sdn Bhd.

Sulaiman, A., Noh, N. C., & Jamsari, E. A. (2020). Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal: Malay-Muslim Children Identity through Early Education. *Sains Insani*, 5(2), 98-106.

Thoah, C.1996. Kapita Selekta Pendidikan Islam. Yogyakarta: Pustaka pelajar.

Zahiruddin Zabidi dan Najah Pauzi. 70 Hadis Mudah Hafal Mudah Amal. terbitan penerbit PTS.  
10 Cerita Hadis Pilihan. Diterbitkan oleh Darul Mughni.